

**Parti Komponen BN Pulau Pinang Diminta Sokong Semua Calon BN
Bernama
2 Februari, 2013**

GEORGE TOWN, 2 Feb (Bernama) -- Parti komponen Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang diminta memberi sokongan penuh kepada calon yang dipilih kepimpinan tertinggi parti pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) nanti.

Pengerusi BN negeri, Teng Chang Yeow turut mengingatkan anggota parti memanfaatkan segala ruang dan peluang dengan sebaik-baiknya di samping melipat gandakan usaha dalam memantapkan jentera pilihan raya pada peringkat akar umbi.

"Kita tidak mahu terjadi seperti musim pilihan raya lepas, apabila calon yang bukan menjadi pilihan penyokong dipilih bertanding mereka mula tidak bersemangat membantu kempen," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Teknik dan Strategi PRU-13 Parti Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), di sini hari ini.

Beliau turut merayu parti komponen BN mengelakkan perselisihan faham dalam parti masing-masing dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada persediaan menghadapi pilihan raya dan mendahulukan kepentingan parti dalam setiap perkara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925676>